

NO. SOALAN : 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN
HAJI AHMAD [MERSING]**

TARIKH : 10 JUN 2014

SOALAN :

YB. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian telah mewajibkan pengendali bot pelancong memiliki sijil kursus pengendali bot pelancong. Sejak 5 tahun lalu, berapa ramaikah pengendali bot pelancong telah menghadiri kursus berkenaan.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sijil Kursus Pengendali Bot Pelancongan adalah merupakan kursus di bawah Jabatan Laut yang lebih menekankan ciri dan aspek keselamatan serta teknikal sebelum mereka ditauliahkan menjadi pemandu bot pelancong yang sah. Kursus tersebut adalah bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Walau bagaimanapun, menyedari kepentingan dan peranan pemandu bot pelancong yang merupakan barisan hadapan bagi perkhidmatan pengangkutan air dalam sektor pelancongan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dari masa ke semasa melaksanakan Kursus Mesra Malaysia dan Kursus *We Are The Host* khas bagi pemandu bot pelancong bagi menambahbaik dan mempertingkatkan *soft skills* dan tahap mesra pelancong, selain menjadikan mereka lebih berpengetahuan dan mengamalkan budaya *Think VMY, Act VMY* bagi menghadapi Tahun Melawat Malaysia (VMY) 2014 dan *Malaysia Year of Festival* 2015 (MYOF).

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah melatih seramai 374 orang di bawah kursus Mesra Malaysia dan *We Are The Host* untuk pemandu bot pelancongan dari tahun 2007 sehingga 2014 bagi memastikan objektif tersebut di atas dapat dicapai. Kursus bagi

menerapkan nilai mesra pelancong ini adalah kursus secara sukarela di kalangan pengusaha sektor pengangkutan air di dalam bidang pelancongan seperti pengusaha resort di pulau-pulau, pengusaha atau syarikat feri dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

SOALAN :-

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk meningkatkan elaun kebajikan para anggota bomba memandangkan tugas mereka yang semakin kritikal dan mencabar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya selain daripada gaji dan elaun tetap, Anggota Bomba juga turut mendapat elaun-elaun tambahan seperti Bayaran Insentif Bomba dan elaun kepakaran seperti HAZMAT, Penyelam, EMRS dan Dog Handler. Selain daripada elaun-elaun tersebut, anggota Bomba juga turut mendapat perlindungan Insurans bernilai RM16,000 daripada Kerajaan dan juga bantuan melalui Kumpulan Wang Amanah Kebajikan Bomba sekiranya ditimpa musibah atau kecelakaan. Perkara-perkara tersebut hanya dikhususkan kepada anggota beruniform yang mempunyai tugas yang mencabar. Jumlah dan jenis elaun yang dibayar insentif tambahan adalah seperti dibawah :-

- a) Bayaran Insentif Bomba – RM110 sebulan bagi anggota bomba yang berkhidmat 12 jam sehari dan RM220 bagi yang berkhidmat 24 jam sehari;
- b) HAZMAT – RM100 sebulan;
- c) Emergency Medical Rescue Service (EMRS) – RM100 sebulan;
- d) Pasukan Penyelamatan Di Air (SCUBA) – RM100 sebulan;

- e) Insentif ketukangan (Dog Handler) – RM135 sebulan;
- f) Air Quarter Master – RM1,000 sebulan;
- g) Pilot – RM2,000 – RM3,500 sebulan; dan
- h) Perlindungan insurans kemalangan/kematian semasa bertugas
 - Am Takaful Insurans – RM18,000; dan
 - Kumpulan Wang Kebajikan Bomba (Pampasan).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014